

DEXCHLORAMINE SYRUP

Dexchlorpheniramine maleate (2mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dexchloramine
2. Bagaimana Dexchloramine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dexchloramine
4. Cara menggunakan Dexchloramine
5. Semasa menggunakan Dexchloramine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dexchloramine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dexchloramine

Ia digunakan untuk rawatan tanda-tanda alahan alahan rinitis (radang membran mukus dalam hidung) jangka panjang atau bermusim, konjunktivitis (keradangan pada membran halus yang menutupi bola mata dan lapisan kelopak mata) dan alahan kulit (ruam kulit yang timbul dan gatal) dan angioedema (pembengkakan lapisan dalam pada kulit)

Bagaimana Dexchloramine berfungsi

Dexchloramine mengandungi antihistamina, dexchlorpheniramine maleate. Histamina ialah bahan kimia yang dibebaskan di dalam badan semasa tindakbalas alergi yang menyebabkan kegatalan dan keradangan. Dexchloramine merencat kesan histamina.

Sebelum menggunakan Dexchloramine

Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil Dexchloramine jika anda mempunyai alahan terhadap bahan aktif atau mana-mana bahan kandungan lain dalam produk ini.
- Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Mengandung dan menyusukan anak
Jangan ambil Dexchloramine jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung. Jangan ambil Dexchloramine jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Sebelum menggunakan Dexchloramine

- Beritahu doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan.
- glaukoma (keadaan yang melibatkan pengumpulan bendalir dalam mata)
 - asma akut
 - kegagalan fungsi buah pinggang
 - penyakit tekanan darah tinggi
 - penyakit kelenjar tiroid aktif

- penyakit kencing manis

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat mungkin berinteraksi dengan dexchlorpheniramine. Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain seperti di bawah:

- barbiturat (sedatif)
- antidepresi trisiklik
- ubat tahan sakit narkotik
- atropin
- perencat monoamine oxidase(antidepresi)

Cara menggunakan Dexchloramine

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun: 1 camca teh setiap 6 – 8 jam.
Kanak-kanak 6 – 12 tahun: $\frac{1}{2}$ - 1camca teh setiap 6 – 8 jam.
Kanak-kanak 2 – 5 tahun: $\frac{1}{2}$ camca teh setiap 6 – 8 jam.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Tanda-tanda terlebih dos termasuk pening, ketidakseimbangan, halusinasi,

sawan dan depresi pernafasan.

Semasa menggunakan Dexchloramine

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Dexchloramine.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda jadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Dexchloramine dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan mesin kerana ia boleh menyebabkan rasa mengantuk. Jangan memandu atau mengendalikan jentera yang mungkin berbahaya. Elakkan minuman beralkohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dexchloramine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan berikut pernah dilaporkan: Mengantuk, kering mulut, hidung dan tekak, gangguan gastrousus, dan ruam kulit mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my
(Consumers → Reporting)

Cara penyimpanan dan pelupusan Dexchloramine

Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

DEXCHLORAMINE SYRUP

Dexchlorpheniramine maleate (2mg/5ml)

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap warna merah berperisa strawberi.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: dexchlorpheniramine maleate
- Bahan tidak aktif: liquid glucose, methyl parabens, propyl parabens, perisa strawberi, pewarna merah raspberry, glycerin, syrup simplex dan air.

- Nombor MAL

MAL19890241A

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

24/04 /2015

Nombor siri

BPK(R4/1)220415/00075